“Kita sudah menjalankan siasatan berhubung perkara itu (ancaman) namun ia tidak termasuk dalam siasatan kes bunuh yang dijalankan pada masa ini,” katanya di sini hari ini.

LAMPIRAN 7
HARIAN METRO (TENGAH): MUKA SURAT 40
TARIKH: 16 NOVEMBER 2018 (JUMAAT)

Jalan dinaiki air satu meter

Kuala Lumpur: Hujan lebat bermula jam 5 petang semalam menyebabkan kesesakan luar biasa susulan beberapa lokasi di ibu kota ditenggelami banjir.

Kejadian banjir dikesan berlaku sekitar ibu kota, Kota Damansara, Sungai Buloh dan Rawang, Selangor susulan hujan lebat lebih dua jam.

Kesesakan trafik paling teruk berlaku di Jalan Sungai Buloh apabila laluan berkenaan dilimpahi air sedalam hampir satu meter. Akibatnya berlaku kesesakan teruk sepanjang lebih tiga kilometer dari arah Kepong.

Turut mengalami banjir kilat adalah sekitar pusat ibu kota antaranya membabitkan Jalan Pudu Ulu, Jalan Cheras, Jalan Pudu Perdana, Jalan Datuk Keramat, Jalan Wirawati dan kawasan berhampiran PPR Hiliran Ampang.

Jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) berkata, turut dinaiki air adalah kawasan rendah berhampiran dengan pembinaan Lebuh raya Sungai Besi-Ulu Kelang (SUKEL).

"Setakat ini tiada pusat pemindahan dibuka membabitkan mangsa banjir kilat. Pihak bomba masih menjalankan pemantauan dan pengawasan di kawasan yang dikenal pasti," katanya.


Katanya, beberapa pasukan bomba turut dikerahkan bagi memantau kawasan yang terjejas akibat kejadian itu.

"Sehingga jam 7.30 ma-

lam, air banjir kilat masih bertakung. Pengguna jalan raya terutama penunggang motosikal dinasihatkan berhati-hati," katanya.

Sementara itu anggota Angkatan Pertahanan Awam (APM) turut dalam keadaan bersiap siaga bagi memberi bantuan kepada mangsa banjir membabitkan proses pemindahan dan kecemasan.

DUA kereta meredah laluan yang dinaiki air.



KAWASAN Jalan Sungai Buloh yang ditenggelami banjir, semalam.

LAMPIRAN 8
SINAR HARIAN (KUALA SELANGOR): MUKA SURAT 24
TARIKH: 16 NOVEMBER 2018 (JUMAAT)

Isu banjir berlarutan?

Penyelesaian menyeluruh sedang giat dilaksanakan

ARZIANA MOHMAD
AZAMAN

KAMPUNG BUKIT HIJAU

Limpahan air parit di kawasan penempatan dan kebun penduduk yang berlarutan sehingga kini menimbulkan rungutan berikutan didakwa tiada penyelesaian konkrit diambil pihak berkaitan.

Dakwa penduduk, kegagalan pengurusan kampung menyelenggarakan parit sebua aliran air parit perlahan untuk keluar ke laut, selain menyebabkan kawasan rendah ditakungi air.

Alasan ketiadaan ketua kampung sebelum ini disebabkan pelantikan baharu juga menjadi isu berbangkit dikemukakan penduduk sehingga mengakibatkan isu



Pemasangan 'flap gate' menjadi penyelesaian jangka pendek untuk mengurangkan aliran air sungai masuk ke dalam kampung.

banjir terus berpanjangan.

Mengulas mengenainya, Pegawai Khas Adun Jeram, Azrin Adnan menjelaskan, limpahan air luar biasa disebabkan aliran dari daerah Sungai Buloh masuk ke dalam kawasan kampung.

"Parit di dalam kampung ini menjadi laluan air terus ke laut dan ditambah hujan lebat menyebabkan limpahan berlaku di kawasan rendah. Sekarang ini juga air laut tengah tinggi menyebabkan aliran air perlahan.

"Penduduk ada bangkitkan isu parit kena selenggara segera tetapi, sekarang ini air tinggi tidak boleh nak korek parit...kena tunggu surut barulah boleh jalankan kerja pengorekan parit," katanya.

Bagi penyelesaian jangka pendek katanya, pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Kuala Selangor memasang 'flap gate' di kawasan parit di Jalan Bahagia, Kampung Bukit Hijau.

"Pemasangan 'flap gate' ini untuk bantu kawal dan

kurangkan limpahan air dari sungai berhampiran. Selain itu, JPS juga ada perancangan selenggara Sungai Buloh.

"Difahamkan, Sungai Buloh itu sudah lama tidak diselenggarakan dan kolam tadahan air juga akan dibuat bagi membantu mengurangkan isu limpahan air ini pada masa akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Sesi Dialog Isu Banjir melibatkan wakil JPS, wakil Pejabat Adun Jeram, Penghulu Mukim Jeram, Jumasri



JPS akan meminta kerajaan negeri dan pusat mengutamakan Kuala Selangor untuk kerja penyelenggaraan.

Jumain dan penduduk setempat di Balairaya JKKK Bukit Hijau.

Hasil perbincangan dan sesi dialog bersama penduduk memutuskan, kerja penyelenggaraan parit di lima kampung akan dilaksanakan selain pemantauan penutupan saluran air di kawasan estet.

Jelas Azrin, JPS akan meminta kerajaan negeri dan pusat mengutamakan Kuala Selangor untuk kerja penyelenggaraan kerana menjadi

antara kawasan terjejas akibat banjir.

"Sebenarnya, pihak Adun minta adakan perbincangan dengan agensi kerajaan dan penduduk supaya mereka faham isu sebenar dan beri cadangan penambahbaikan bagi menyelesaikan isu ini.

"Sekarang ini, penjelasan sudah dibuat dan kita tunggu pelaksanaan kerja agensi kerajaan di kawasan yang dibincangkan supaya isu banjir di kampung ini dapat diselesaikan dengan baik," katanya.

LAMPIRAN 9
UTUSAN MALAYSIA (RENCANA): MUKA SURAT 17
TARIKH: 16 NOVEMBER 2018 (JUMAAT)

Banjir dan hutan batu di Kuala Lumpur



Dari Puncak
KU SEMAN KU HUSSAIN

BANJIR kilat elok dijadikan salah satu tarikan pelancong di Kuala Lumpur. Ini kerana ada pelancong yang tidak pernah melihat kereta menjadi kapal selam di tengah-tengah bandar raya 'negara maju' pada 2020, boleh melihatnya di Kuala Lumpur.


Masukkan banjir kilat di Kuala Lumpur dalam kalendar pelancongan bertujuan supaya keunikan bandar raya ini boleh dinikmati oleh pelancong luar negara atau luar Kuala Lumpur. Cadangan ini tidak pelik berbanding lebih peliknya pihak berkuasa tidak pernah tampil dengan pelan mengatasi banjir kilat yang komprehensif.

Memanglah memalukan bagi ibu negara Malaysia, negara maju 2020 tetapi masih ada pesta banjir kilat. Tetapi 'cadangan' sangat munasabah kepada penguasa yang silih berganti, cuma yang tidak berubah ialah banjir kilat. Tidak hairanlah kalau ada yang sinikal menganggap banjir kilat sebagai identiti Kuala Lumpur yang mesti dipertahankan.

Bertukar Menteri dan Datuk Bandar sebenarnya tidak menukarkan apa-apa terhadap kebukuan berfikir untuk mengatasi masalah banjir kilat. Penguasa Kuala Lumpur pula kelihatan sangat rakus dengan definisi 'pembangunan' dan 'modernisasi' yang difahami sebagai tumbuhnya hutan batu yang mencakar awan.

Maka pantang ada tanah lapang semunya hendak 'dibangunkan' dan pembangunan yang melampau serta membelakangkan keperluan alam sekitar. Sikap beginilah yang menghadiahkan banjir kilat kepada warga kota.

'Pembangunan' hutan batu yang melampau tanpa memberi ruang pada alam bernafas dalam keadaan semula jadi ada aliran sungai, kawasan aliran air dan permukaan yang serap air yang mencukupi. Pembangunan yang menggilakan membuatkan kawasan serap



PIHAK berkuasa tidak boleh terlalu pantas menyalahkan masalah banjir kilat kerana faktor alam. Ini 'cuci tangan' namanya. - GAMBAR HIASAN

air semakin kecil.

Dari segi fizikal, Kuala Lumpur sudah sangat hebat pembangunannya. Banyak bangunan tinggi berceracak bagaikan rebung di musim hujan. Kalau hendak tahu rebung di musim hujan, lihatlah Kuala Lumpur. Sekejap tumbuh dan tumbuh. Cuma yang tidak maju ialah sikap sesetengah penguasanya untuk mengimbangi pembangunan dan tuntutan alam.

Negara maju sebenarnya mengambil kira keperluan kemanusiaan warganya. Oleh hal demikian definisi pembangunan atau kemajuan itu mesti merangkumi kesejahteraan warganya. Kalau nampak gumpalan awan hitam pun perut sudah bergumpal-gumpal kerana bimbang berlaku banjir kilat, itu bukan pembangunan, jauh lagi kesejahteraan.

Pihak berkuasa sebenarnya menyumbang pada banjir kilat. Mereka rakus membangunkan Kuala Lumpur termasuk kawasan aliran air, akibatnya hujan gerimis pun boleh mencetuskan banjir kilat. Apatah lagi hujan yang mencurah-curah.

Apabila ditanya oleh wartawan, pihak berkuasa

sekadar mengulang skrip lama - saliran tersumbat dengan bahan buangan binaan, projek pembinaan di laluan air dan taburan hujan yang 'luar biasa'. Warga kota hanya tersenyum mendengar alasan ini kerana menggambarkan pihak berkuasa sangat naif lagi pasif.

Siapa bertanggungjawab memastikan bahan buangan dan projek pembinaan di laluan air itu diluluskan? Bukankah pihak berkuasa yang sama? Mereka meluluskan projek pembinaan dan mereka juga menyalahkan pembinaan di situ.

Pelan pembangunan jangka pendek dan panjang terhadap Kuala Lumpur sepatutnya mengambil kira perubahan iklim 10 atau 20 tahun akan datang. Pihak berkuasa tidak boleh terlalu pantas meletakkan banjir kilat pada faktor alam. Ini cuci tangan namanya.

Memang benar hujan adalah faktor alam tetapi akal manusia boleh mencari jalan supaya hujan lebat itu mengalir lancar hingga ke laut melalui Sungai Klang tanpa tersangkut dan melimpah sebagai banjir kilat. Di mana akal penguasa dalam soal ini?

LAMPIRAN 10

UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS): MUKA SURAT 31

TARIKH: 16 NOVEMBER 2018 (JUMAAT)



Mesin buat pelbagai kuih

“ Mesin kali ini amat mudah dikendalikan mahupun dibawa ke mana-mana kerana mesin tersebut hanya menggunakan konsep motor dan bateri untuk proses pembuatan kuih muih ini.”

BISKUT dan kuih raya adalah salah satu makanan yang tidak asing lagi dalam negara kita. Kuih raya seperti samperit panjang, samperit dahlia dan biskut terap.

Pada edisi kali ini, Zull Design Autotronic (ZDA) tampil dengan satu lagi inovasi mesin kuih mudah alih ini dapat membantu pengusaha kuih muih raya untuk musim perayaan mahu pun untuk harian.

Mesin kali ini amat mudah dikendalikan mahupun dibawa ke mana-mana kerana hanya menggunakan konsep motor dan bateri.

Mesin ini didatangkan dengan satu set tabung yang boleh mengisi isian tepung dalam kapasiti di antara 700 hingga 1000 gram (g) dalam satu-satu masa dan menggunakan kuasa bateri 12 Volt (V) yang didatangkan dengan dua unit bateri dan satu unit pengecasan yang boleh dibawa ke mana-mana sahaja.

Mesin tersebut juga boleh didatangkan dengan pelbagai versi acuan. Bagi setiap mesin ini akan didatangkan dengan tiga acuan yang berbeza. Acuan samperit, acuan tat nana dan acuan maruku bintang.

Salah seorang pelanggan ZDA adalah Razif Rashid merupakan pengusaha kuih muih raya secara kecil-kecilan.

Razif memberitahu, hampir empat tahun dia tidak dapat membuat kuih samperit atas kekangan masa dan waktu, selain mempunyai masalah untuk membuat tepung adunan secara manual.

Namun kali ini, dia bersyukur dapat merealisasikan impiannya untuk membuat semula kuih samperit turun-temurun resipi daripada ibunya sebelum ini dengan bantuan mesin tersebut.

"Mesin ini amat mudah dikendalikan. Mudah untuk membuat kuih tradisional turun temurun daripada ibu saya," ujarnya.

Kata Razif lagi, dalam keluarganya, dia seorang sahaja dalam adik beradik yang menguasai resipi ini dan dapat buat dengan sempurna.

Dengan menggunakan mesin tersebut, dia berjaya membuat kuih untuk adik beradik dan kawan-kawan yang pernah menempah.

Dengan kejayaan Razif tersebut, ZDA berharap dapat membantu pengusaha kecil menghasilkan kuih muih raya ini dengan lebih mudah dan dapat meningkatkan pengeluaran pengusaha kecil ini.

ZDA menghasilkan mesin mengikut tempahan, dan kira-kira 10 unit mesin seumpama itu telah terjual, manakala 40 unit lagi yang tinggal untuk dijual kepada pengusaha.

Harga mesin ini masih dalam promosi sehingga stok habis. Jumlahnya mungkin akan ditambah sekiranya masih ada sambutan.

UTUSAN & ZULL DESIGN

www.zulldesign.com.my

SPESIFIKASI

Kuasa: Bateri 12 V/2.0 Ah; 2 Wh 1 Unit

Kapasiti: 500 gram (g) (Sekali tekan / 2.5 min) (bergantung kepada operator)

Berat Mesin: 1.5 kg

Set mata acuan: Tiga unit (samperit dahlia, tat gulung dan maruku)

Ketahanan bateri: Antara 10 hingga 20 kali tekanan bergantung kepada adunan tepung)

Terdiri daripada:

Pengecas: Seunit

Bateri: Seunit

Tangkai tepung: Seunit



JIKA ada sebarang pertanyaan dan tempahan atau maklumat lebih lanjut. Hubungi Zull Design Autotronic (ZDA)

Hari: Isnin - Jumaat. Masa: Pukul 8.30 pagi hingga 5 petang (waktu pejabat sahaja) Talian: 03-6092 1928, 012-733 2066, faksimile 03-6091 4000. E-mel: mail@zulldesign.com.my atau layari laman web ZDA iaitu www.zulldesign.com.my laman Facebook kami <https://www.facebook.com/zulldesign.autotronic>.

YouTube channel kami [zulldesign11](https://www.youtube.com/zulldesign11) dan Instagram: [zulldesign11](https://www.instagram.com/zulldesign11)

LAMPIRAN 11
BERITA HARIAN: MUKA SURAT 10
TARIKH: 16 NOVEMBER 2018 (JUMAAT)

Mengimbangi mutu air, pembangunan

Dari Kaca Mata

Ir Dr Zaki Zainudin
Pakar Permodelan Kualiti Air



Acap kali kita mendengar isu pencemaran sungai di negara kita ini. Pencemaran sungai lazimnya mendapat liputan meluas di media kerana ia bukan sahaja mendatangkan kesan buruk kepada hidupan akuatik dan alam sekitar, malah boleh menyebabkan gangguan bekalan air.

Negara kita sangat bergantung kepada sungai untuk sumber air mentah dengan lebih 90 peratus bekalan air di Malaysia berpunca dari sungai. Pada masa sama, sungai menjadi tempat pelepasan sisa industri, kumbahan, air larut resap dan sebagainya. Sungai dianggap sebagai longkang semula jadi yang membawa air sisa ini ke laut. Selain air sisa, sungai menjadi tempat pembuangan sisa lain, termasuk sampah-sarap.

Pembuangan air sisa ke dalam sungai sah di sisi undang-undang, dengan syarat air sisa dirawat terlebih dahulu, mematuhi had dibenarkan serta mendapat kelulusan pihak berkuasa.

Patuhi perundangan

Namun, ada kelemahan dari segi had pematuhan dalam perundangan yang wujud pada masa ini. Sebagai contoh, had 'kepekatan' ammonia yang dibenarkan dalam air sisa berada pada paras 10 mg/L (Standard A), sedangkan Kementerian Kesihatan mengesyorkan kepekatan ammonia di muka sauk berada pada paras sekurang-kurangnya 1.5 mg/L.

Standard kualiti air kebangsaan yang diterbitkan Jabatan Alam Sekitar pula mengesyorkan kepekatan ammonia sungai kurang dari 0.3 mg/L.

Dalam erti kata lain, ammonia di dalam air sisa, harus menjalani 'pencairan' hampir tujuh kali ganda oleh air sungai, sebelum mencapai tahap disyorkan pihak berwajib bagi bekalan air mentah. Ini bermakna sungai itu harus cukup

besar, dengan isi padu air mencukupi untuk 'mencairkan' ammonia dalam air sisa ini.

Persoalannya adakah semua sungai cukup besar dan mampu 'mencairkan' air sisa? Bagaimana dengan sungai kecil? Bagaimana jika ada puluhan, malah ratusan punca pencemaran dalam satu kawasan lembangan sungai?

Kawasan tadahan

Mampukah sungai mencairkan semua air sisa ini? Ini belum lagi mengambil kira punca pencemaran yang tidak tertakluk atau tidak disyorkan 'had' di bawah perundangan sedia ada.

Kebanyakan aktiviti pembangunan menjana air sisa. Pembangunan juga bertambah pesat dengan peredaran masa, maka penjana air sisa turut bertambah. Inilah antara sebab tahun demi tahun, kualiti air sungai terus merosot.

Jelas, pembangunan dalam sesuatu kawasan lembangan sungai itu ialah satu perkara yang berterusan, melainkan kawasan lembangan itu diwartakan khas sebagai kawasan tadahan air dan pembangunan di dalamnya tidak dibenarkan sama sekali. Jadi bagaimana hendak menjamin kelestarian kualiti air sungai tetapi pada masa yang sama menjana pembangunan yang mampan?

Dalam hal ini, ada dua aspek utama iaitu:

- 1) Pengekalan kualiti air sedia ada (strategi jangka pendek).
- 2) Pemulihan kualiti air (strategi jangka panjang).

Strategi pertama meliputi aspek pengekalan kualiti air sedia ada atau sekurang-kurangnya mengelak kualiti air sungai daripada terus merosot, memandangkan pembangunan tetap berterusan di banyak lembangan sungai.

Selepas strategi pengekalan jangka pendek ini dilaksanakan, barulah aktiviti pemulihan kualiti air sungai dapat berjalan dengan efektif.

Dalam cita-cita murni untuk membaik pulih kualiti air sungai, jangan kita terlepas pandang. Setiap bulan, mungkin setiap minggu, ada punca pencemaran baharu yang datang. Punca pencemaran baharu ini harus ditangani secara efektif terlebih dahulu.

Kedua-dua aspek ini dilaksanakan dengan mengawal beban pencemaran, iaitu kepekatan dan jumlah atau kadar alir, iaitu isi padu air sisa. Pada masa ini, kebanyakan perundangan tertumpu kepada penetapan had kepekatan sahaja. Ringkasnya, jangan sampai yang dikejar tak dapat, yang dikendong pula berciciran.

LAMPIRAN 12
UTUSAN MALAYSIA (LUAR NEGARA): MUKA SURAT 50
TARIKH: 16 NOVEMBER 2018 (JUMAAT)

Korban kebakaran di California meningkat

CALIFORNIA 15 Nov. - Jumlah mangsa yang terkorban akibat kebakaran hutan dikenali sebagai *Camp Fire* dan *Woolsey Fire* di seluruh negeri ini meningkat kepada 59 orang.

Pihak berkuasa tempatan turut mengeluarkan senarai 130 orang mangsa yang masih hilang.

Kebanyakan mangsa yang hilang adalah dari bandar Paradise di Butte County, utara California.

Syerif Butte County, Kory Honea berkata, seramai 461 anggota penyelamat dan 22 anjing pengesanan terlibat dalam usaha mencari mereka yang masih hilang dan ujian asid deoksiribonukleik (DNA) kini giat dijalankan bagi mengenal pasti identiti mangsa.

"Mulai hari ini, sesiapa yang dipercayai adalah ahli keluarga mangsa yang hilang bolehlah memberikan sampel DNA di pejabat syerif," ujar Honea.

Hampir setiap rumah di Paradise, yang terletak kira-kira 130 kilometer di utara Sacramento musnah akibat kebakaran yang merebak dengan cepat berikutan angin kencang.

"Kami berada di tengah-tengah bencana. Kebakaran seumpama itu tidak pernah berlaku sebelum ini, menyebabkan ramai orang terjejas," kata Gabenor California, Jerry Brown ketika sidang media.

Dalam pada itu, mangsa kebakaran telah mengemukakan tuntutan di mahkamah supaya syarikat bekalan tenaga elektrik tempatan, PG&E bertanggungjawab di atas kecuaiannya mereka sehingga menyebabkan insiden terbit.

Mangsa mendakwa kebakaran berlaku disebabkan kegagalan aliran penghantaran voltan yang tinggi sehingga mencetuskan kebakaran. - AFP



PASUKAN penyelamat mencari mangsa kebakaran di bawah runtuhan rumah di Paradise, California, Amerika Syarikat kelmarin. - AFP

LAMPIRAN 13
KOSMO! (DUNIA): MUKA SURAT 47
TARIKH: 16 NOVEMBER 2018 (JUMAAT)

Robot jadi pelayan restoran di Nepal

KATHMANDU – Sebuah syarikat teknologi di sini berjaya mencipta robot pertama di Nepal yang bekerja sebagai pelayan restoran.

Syarikat tempatan, Paaila Technology telah menghasilkan Ginger, iaitu robot setinggi 1.5 meter yang diprogramkan memahami bahasa Inggeris dan Nepal.

Buat masa ini, tiga robot Ginger telah bertugas mengambil pesanan dan menghantar makanan kepada pelanggan di restoran Naulo yang terletak di sini.

"Sila nikmati hidangan anda," kata Ginger ketika menghantar sepinggan ladu ke meja pelanggan di restoran tersebut.

Robot tersebut telah dihasilkan oleh sepasukan 25 jurutera



ROBOT seperti manusia ini mempunyai kemahiran berbahasa Nepal dan Inggeris.

muda yang bekerja selama beberapa bulan bagi membina dan memasang Ginger secara manual.

"Ini merupakan ujian lapangan


untuk robot ini. Kami akan menyesuaikan berdasarkan maklum balas daripada pelanggan," kata Ketua Pegawai Eksekutif Paaila Technology.

Binay Raut.

Robot manusia itu dinamakan Ginger sempena nama bahan masakan asas dalam kuisin Nepal. – AFP



SEBUAH robot Ginger mengambil makanan di dapur untuk dihantar kepada pelanggan.



DUA robot Ginger dirakam di Restoran Naulo di Kathmandu, Nepal baru-baru ini.

LAMPIRAN 14
THE STAR (WORLD): MUKA SURAT 35
TARIKH: 16 NOVEMBER 2018 (JUMAAT)

Nepal's first robot waiter ready to take orders

KATHMANDU: "Please enjoy your meal," says Nepal's first robot waiter Ginger, as she delivers a plate of steaming dumplings to a table of hungry customers.

The poor Himalayan nation is better known for its soaring mountain peaks than technological prowess, but a group of self-taught young innovators want to change that.

Local start-up Paaila Technology built Ginger, a 1.5m-tall robot, from scratch and programmed her to understand English and Nepali.


The bilingual humanoid robot – named Ginger after a common ingredient in Nepali cuisine – can even crack jokes like Apple's Siri or Amazon's Alexa.

Three "Gingers" work at Naulo restaurant in the dusty capital Kathmandu, where pot-holed roads and crumbling buildings still bear the scars of a powerful earthquake that hit more than three years ago.

"This is our testing ground. We're fine-tuning it with responses from our customers," said Binay Raut, the company's chief executive officer.

The team of 25 young engineers – Raut is the oldest at 27 – worked for months to build the robot, welding and moulding the prototype by hand in their tiny office.

What Nepal lacks in tech infra-



Thank you for the service:
Ginger delivering food to customers at Naulo restaurant in Kathmandu. — AFP

structure, the engineers made up for in ingenuity – Ginger's sleek-looking plastic body was painted in a neighbourhood car workshop.

Naulo opened its doors four months ago and its robot waiters have been a big draw.

Ginger, who can sense movement and obstacles, deftly navigates the

crowded restaurant carrying trays laden with food.

Customers order via a touch screen menu fitted into the tables and Ginger is called to the kitchen when dishes are ready.

"It was a completely new experience," said 73-year-old Shalikram Sharma, who was born before tele-

visions were available in Nepal.

Ginger has become quite a selfie star and is often distracted from her work by children keen to get a photo with the sleek robot.

With its eyes on the global market, Paaila Technology is in the process of patenting its design to sell at home and abroad. — AFP

LAMPIRAN 15
THE STAR (WORLD): MUKA SURAT 35
TARIKH: 16 NOVEMBER 2018 (JUMAAT)

Going green with 'pee bricks'

Scientists hope it can be used as eco-friendly building material

CAPE TOWN: One day, when nature calls, your urine could be put to better use than to be flushed down the loo.

Instead, it could be a key ingredient in the construction of a greener office or new home.

In one of the latest innovations in the search for eco-friendly building materials, South African university researchers have created bricks using human urine.

The first of their kind in the world, the bio-bricks offer the prospect of a sustainable alternative to standard clay and concrete bricks, they hope.

The prototypes have been "grown" from urine using a technique similar to the natural formation of seashells, taking six to eight days to form.

The groundbreaking invention is the brainchild of two University of Cape Town students and a lecturer.

With a grant from a government-run Water Research Council, the feasibility study was launched last year using synthetic urea. The study then escalated to using human urine.

"I was always curious to know why we don't use urine to do the same thing," Dyllon Randall, the lecturer who supervised one of the two students, said. "The simple answer is: 'Yes, we can.'"

A year later, they successfully produced their first bio-brick in a laboratory.

Using a natural process known as microbial carbonate precipitation, they mix urine, sand and bacteria to make the brick.

The research is still in its early days. So far, it requires up to 30 litres of urine to make just one



Innovative idea: Mukhari holding up one of the bricks at the Department of Civil Engineering in the University of Cape Town. — AFP

brick – with the urine provided by male students at the university via a special urinal.

"We basically made the first bio-brick from real urine," Randall said. "This process is amazing because essentially what we've done is grow bricks at room temperature."

Suzanne Lambert, a civil engineering masters student, marvelled at how the team copied "nature's natural processes" to create a sustainable way of building.

Conventional bricks or clay-fired bricks are manufactured in kilns, where they are dried at

1,400°C, a process that causes large emissions of carbon dioxide. In contrast, the bio-brick is "grown" through loose sand seeded with bacteria that produce an enzyme called urease.

The urease reacts with the urea in urine to produce a cement-like compound that bonds with the sand. The product can be moulded into any shape and dries at ambient temperatures – no ovens, no greenhouse-gas emissions.

"We take something that is considered a waste stream such as urine and use it in a completely sustainable process," said Randall.

And for those concerned about the odour of urine permeating from the walls, the good news is that the brick does not smell. The strong ammonia smell that comes from urine dissipates after a few days of drying.

Fellow researcher Vukheta Mukhari said the strength of the brick can be tailored to specific building requirements, but the ones they have produced so far are "as strong as common bricks you find on the market".

Will the bio-brick one day supplant standard clay or concrete counterparts? The key factor is price, but at this very early stage of development, there has been no attempt to research costs.

"At the moment, we need between 20 to 30 litres to make one standard brick. That does sound like a lot, but remember that about 90% of urine is actually water," said Randall.

"We're looking at reducing the amount of urine needed to make one brick. I'm sure in the next few years, we'll have much better results." — AFP

LAMPIRAN 16
BERITA HARIAN (DUNIA): MUKA SURAT 73
TARIKH: 16 NOVEMBER 2018 (JUMAAT)

Robot pelayan tarikan di Nepal

➔ Jurutera muda cipta Ginger tutur bahasa Inggeris, tempatan di restoran

► Kathmandu

"Sila nikmati hidangan anda," kata robot pelayan pertama di Nepal yang dinamakan Ginger ketika menghantar makanan panas kepada pengunjung yang lapar di restoran.

Negara miskin di Himalaya itu yang lebih tersohor dengan kawasan pergunungan dan kemuncak tertinggi dunia kini mencipta bangga apabila sekumpulan inovator muda bertekad mahu menukar persepsi itu.

Titik peluh sekumpulan 25 jurutera muda diketuai Binay Raut yang berusia 27 tahun bekerja gigih membina robot pelayan itu dalam bilik kecil mereka sejak berbulan-bulan.

Syarikat tempatan itu, Paaila Technology membina Ginger, robot dengan ketinggian 1.5 meter dari awal dan memprogramkan mesin itu untuk

memahami bahasa Inggeris dan Nepal.

Dwibahasa

Robot humanoid dwibahasa itu diberi nama Ginger sempena bahan biasa digunakan dalam makanan Nepal, malah boleh membuat lawak seperti robot Siri ciptaan Apple dan Alexa, dicipta Amazon.

Tiga robot 'Ginger' itu bekerja di restoran Naulo di ibu kota berhabuk di sini, di mana jalan raya dipenuhi lubang dan bangunan runtuh tinggalan gempa bumi kuat, lebih tiga tahun lalu.

"Ini adalah tapak ujian kami. Kami memperbaikinya menerusi maklum balas pelanggan," kata Ketua Eksekutif syarikat, Binay Raut kepada AFP.

Pelanggan memesan menerusi menu skrin sesentuh dipasang pada meja dan Ginger dipanggil ke dapur apabila hidangan siap.



[FOTO AFP]

Robot Ginger kini menjadi tarikan pelanggan, termasuk kanak-kanak di sebuah restoran di Nepal sejak empat bulan lalu.

AFP